



Perkhidmatan gaji dan elaun kerajaan tempatan

LEMBARAN FAKTA

Salaries and Allowances Tribunal di Wilayah Lautan Hindi

Salaries and Allowances Tribunal merupakan pihak berkuasa berkanun bebas, yang menentukan, bagi pihak Kerajaan Australia, gaji yang patut dibayar kepada ketua pegawai eksekutif kerajaan tempatan Wilayah serta bayaran, perbelanjaan dan elaun yang diberikan kepada ahli majlis yang dipilih. Tribunal diwajibkan:

- Menyiasat dan menentukan amaun gaji, atau amaun gaji minimum dan maksimum, untuk dibayar atau diberikan kepada ketua pegawai eksekutif kerajaan tempatan secara tahunan.
- Menyiasat dan menentukan amaun gaji, atau amaun gaji minimum dan maksimum, untuk dibayar atau diberikan kepada ahli majlis yang dipilih, bagi menghadiri mesyuarat secara tahunan.
- Menyiasat dan menentukan amaun perbelanjaan, atau amaun perbelanjaan minimum dan maksimum, untuk dibayar balik kepada ahli majlis yang dipilih secara tahunan.
- Menyiasat dan menentukan amaun elaun, atau amaun elaun minimum dan maksimum, untuk dibayar kepada ahli majlis yang dipilih dan ketua pegawai eksekutif kerajaan tempatan secara tahunan.

Apakah ertinya bagi saya?

Kajian semula dan penentuan tahunan Salaries and Allowances Tribunal memastikan keadaan kerajaan tempatan di Wilayah ditentukan secara seragam dengan amalan di WA. Ini akan memastikan bahawa keadaan kita sentiasa moden dan kompetitif untuk menarik dan mengekalkan ketua-ketua yang berwibawa di dalam kerajaan tempatan.



Di WA, Salaries and Allowances Tribunal menentukan gaji yang diberikan kepada Gabenor, Ahli Parlimen Negeri, hakim dan penjawat awam kanan Australia Barat, serta ketua pegawai eksekutif dan ahli majlis kerajaan tempatan WA yang dipilih.

Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi	Butir-butir hubungan
Telefon	08 6557 7000
E-mel	enquiries@sat.wa.gov.au
Laman web	www.sat.wa.gov.au